

'Usah lengah projek'

Peruntukan RMK-8 perlu dimanfaatkan sepenuhnya: PM

BH - 7/2/2006

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan semua agensi kerajaan supaya tidak melengahkan sebarang projek yang sudah diluluskan peruntukan untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu agensi terbabit menggunakan penantian pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sebagai alasan untuk melengahkan pelaksanaan projek yang sepatutnya disiapkan dalam tempoh RMK-8.

Sehubungan itu, beliau mengarahkan dua unit di Jabatan Perdana Menteri (JPM) – Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (Mampu), memantau serta memastikan projek itu berjalan lancar.


"Kerja mesti dijalankan untuk projek RMK-8, mesti diteruskan, dipantau dan pastikan projek itu dilaksanakan mengikut jadual. Saya tidak mahu nanti (sewaktu melaksanakan) projek RMK-9, kita terpaksa gunakan masa yang terlalu banyak untuk selesaikan projek RMK-8.

"Projek dalam RMK-8 mesti dilaksanakan dan tidak boleh dilengahkan. Perkara ini penting untuk agensi pusat seperti ICU dan Mampu pastikan ia berjalan baik," katanya pada Perhimpunan Bulanan JPM di Dataran Perdana di sini, semalam.

Hadir sama, timbalannya, Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Setakat ini, 94 peratus daripada RM170 bilion dana yang disediakan kerajaan untuk RMK-8 sudah dibelanjakan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

Sebanyak 16 peratus daripada jum-



PENUH TUMPUAN: Abdullah berucap pada perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di Dataran Perdana, Putrajaya, semalam. Turut hadir, Najib dan Samsudin.

lah projek yang sepatutnya dilaksanakan dalam RMK-8 pula gagal disiapkan dan terpaksa dibawa ke RMK-9. Bagaimanapun, difahamkan, projek yang dimaksudkan Abdullah bukan berada dalam kategori itu, sebaliknya projek yang sudah diluluskan peruntukan untuk pelaksanaan dalam RMK-8.

Abdullah menyifatkan apa yang terkandung dalam RMK-8 sebagai penting dan usaha menyiapkan mana-mana projek yang belum selesai

tidak boleh dilengahkan lagi.

Sambil menyatakan beliau tidak mahu melihat sebarang projek RMK-8 tergendala, Abdullah menegaskan adalah penting bagi agensi pusat memastikan ini tidak berlaku.

Draf pertama RMK-9 sudah siap dan diperhalusi sebelum dibentangkan di Parlimen, bulan depan.

Difahamkan, RMK-9 dijangka memberi keutamaan meningkatkan daya saing negara sebagai asas untuk kemajuan mapan kerana rancangan

lima tahun itu akan membawa negara menuju ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Di samping itu, kerajaan juga akan meningkat dan menggalakkan pembabitan sektor swasta, terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk menyertai secara lebih agresif dalam pelbagai sektor seperti pertanian, sains hayat, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pelancongan, kesihatan serta pendidikan.